KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL KUALA LUMPUR

# KENYATAAN MEDIA

## KEMAJUAN KERJA-KERJA NAIK TARAF BLOK BARU JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL KUALA LUMPUR

Pihak Pengurusan Hospital Kuala Lumpur (HKL) ingin memaklumkan bahawa Projek Naik Taraf Blok Baru Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL kini berada dalam **fasa akhir pelaksanaan**.

Dalam proses pemeriksaan dan penyempurnaan projek, terdapat beberapa perkara yang dikenal pasti memerlukan kerja pembaikan dan penambahbaikan sebelum fasiliti tersebut dapat disiapkan sepenuhnya. Kerja-kerja berkenaan sedang diberi perhatian dan keutamaan, dengan penyelesaian dijangka dilaksanakan sehingga **akhir tahun 2026**.

HKL komited untuk memastikan setiap kerja pembaikan dilaksanakan dengan sewajarnya bagi memenuhi keperluan keselamatan, fungsi dan kualiti fasiliti sebelum projek dimuktamadkan. Sepanjang tempoh berkenaan, **operasi dan penyampaian perkhidmatan kesihatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma HKL diteruskan seperti biasa**.

Pihak HKL amat menghargai kerjasama, kesabaran dan pemahaman orang ramai sepanjang kerja-kerja penyempurnaan ini dilaksanakan. Segala kesulitan yang mungkin timbul amat dikesali.

**-TAMAT-**

**PENGARAH**
**HOSPITAL KUALA LUMPUR**
**2 OKTOBER 2026**

MALAYSIA MADANI